

# **PENTAKSIRAN KAEDAH UJIAN AMALI KIMIA DALAM MENINGKATKAN TAHAP KEMAHIRAN MANIPULATIF DAN PENULISAN LAPORAN AMALI PELAJAR**

**Mimi Malini Bt Mohmad Fuzi**

Unit Kimia  
Kolej Matrikulasi Pulau Pinang

## **ABSTRAK**

*Kajian ini bertujuan untuk meneroka sejauh mana pelaksanaan ujian amali kimia berupaya meningkatkan tahap kemahiran manipulatif dan penulisan laporan amali kimia dalam kalangan pelajar. Ujian ini terdiri daripada 2 bahagian iaitu ujian eksperimen kimia dan penulisan laporan amali kimia, telah diperkenalkan pada sesi 2018/2019 bagi memenuhi audit oleh Agensi Kelayakan Malaysia (Malaysian Qualifications Agency, MQA). Pelajar perlu mencapai dua domain hasil pembelajaran iaitu psikomotor dan kognitif melalui pemikiran kritikal serta pendekatan saintifik seperti yang digariskan dalam hasil pembelajaran kursus dan hasil pembelajaran program (CLO dan PLO). Pentaksiran perlu dilaksanakan bagi menilai tahap kemahiran manipulatif pelajar dalam mengendalikan alat radas dan bahan kimia dengan baik di samping dapat menyediakan laporan amali yang lengkap dan betul. Seramai 34 orang pelajar Program Matrikulasi Sistem Empat Semester (SES) sesi 2018/2019 terlibat dalam kajian ini. Pelaksanaan kajian adalah dengan menjalankan ujian eksperimen kimia dan penulisan laporan amali serta memberikan kertas soal selidik terbuka kepada pelajar. Analisis dijalankan berdasarkan markah ujian amali dan penulisan laporan amali serta respon pelajar dalam borang soal selidik terbuka. Pendekatan kajian kualitatif telah digunakan dalam kajian ini. Dapatan kajian menunjukkan bahawa pelaksanaan pentaksiran menggunakan kaedah ujian amali kimia berupaya meningkatkan tahap kemahiran manipulatif pelajar serta penulisan laporan amali kimia dan seterusnya mencapai hasil pembelajaran (CLO dan PLO). Dapatan kajian ini memberi implikasi kepada pensyarah dan pembuat dasar bahawa pelaksanaan ujian amali kimia bukan hanya memberi impak positif kepada pembelajaran pelajar bahkan secara tidak langsung dapat meningkatkan profesionalisme pensyarah.*

**Kata Kunci :** *pentaksiran, eksperimen, ujian amali kimia, kemahiran manipulatif, laporan amali kimia*